

14 JUN 1999

AFRIKA-PELABURAN

AFRIKA BUKAN SEMATA-MATA NEGARA BERMASALAH

Oleh: Leslean Arshad

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Afrika bukanlah hanya semata-mata dipenuhi kawasan-kawasan yang bermasalah, kata seorang pegawai Afrika hari ini.

"Jika anda hanya melihat masalah yang ada, anda akan terlepas banyak peluang," kata Dr Ken Kwaku, pengurus Program Memperkenalkan Afrika, satu cawangan Agensi Jaminan Pelaburan Pelbagai Hala (MIGA) di bawah naungan Bank Dunia.

Katanya, pelabur-pelabur yang memberi tumpuan kepada jenis perniagaan dan rakan kongsi yang betul bukan hanya akan berjaya di Afrika tetapi juga meraih untung daripada benua tersebut, yang seringkali disebut sebagai rantau "bermasalah".

Bagaimanapun, bagi Sahara Kecil Afrika (SSA), yang "bermasalah" ini hanyalah merupakan kira-kira 22 peratus SSA Sahara Africa, 20 peratus penduduk SSA dan kurang daripada 10 peratus KDNK SSA.

"Ini menunjukkan kira-kira 80 peratus rantau SSA tidak bermasalah," kata Dr Kwaku pada satu taklimat khas di sini.

Ada 16 negara di Afrika dan beberapa sektor utama yang menawarkan prospek "sama menang" kepada pelabur, katanya. Ini termasuklah Cameroon, Afrika Selatan, Senegal, Ghana dan Tanzania.

Sektor-sektor teras ialah kegiatan berasaskan pertanian, bahan binaan, perkhidmatan elektronik dan kejuruteraan, tekstil dan pakaian serta kayu dan pemprosesan kayu.

Kata Dr Kwaku, Afrika memerlukan import yang berdaya saing daripada segi modal dan barangan pengguna dari Asia dan Eropah dalam jangka waktu terdekat dan sederhana.

Usaha sama merupakan perniagaan yang sangat digalakkan bagi ahli-ahli perniagaan Malaysia, katanya.

"Soalnya di sini ialah rakan kongsi yang betul," katanya sambil menambah bahawa agensi-agensi seperti Entepriase Africa dan Entepriase Network boleh membantu mengenal pasti rakan kongsi.

Menurut beliau Forum Perniagaan Afrika-Asia yang pertama akan diadakan di sini dari 25 hingga 29 Oktober bagi memperagakan apa yang boleh ditawarkan oleh benua tersebut kepada usahawan-usahawan Asia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucapan utama pada forum tersebut, yang dianjurkan bersama oleh Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), kerajaan Malaysia dan dua pertubuhan lain.

Matlamat utama forum itu ialah memberikan wadah kepada peserta-peserta untuk bertukar-tukar maklumat serta mengenal pasti dan berunding tentang urusan niaga baru dengan bakal-bakal rakan kongsi. -- BERNAMA

LES KY OS